

**KAJIAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP COURSEWARE  
SUBJEK PERBANDINGAN AGAMA  
NEEDS ASSESSMENT ON DEVELOPING A COURSEWARE PROTOTYPE  
IN COMPARATIVE RELIGION**

Muhamad Hilme Izanee<sup>1\*</sup> & Kamal Azmi Abd Rahman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah, Jabatan Pengajian Islam, Pusat Matrikulasi, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor.

Email: [hilme@kuis.edu.my](mailto:hilme@kuis.edu.my)

<sup>2</sup>Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor. Email: [kamalzami@kuis.edu.my](mailto:kamalzami@kuis.edu.my)

\*Penulis penghubung

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembetulan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

**Abstrak**

Penggunaan Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu norma baharu dalam dunia pendidikan hari ini. Kemajuan teknologi peranti dan perisian moden seharusnya dimanfaatkan sebagai satu metode untuk memperkasakan kefahaman para pelajar terhadap mata suatu pelajaran khususnya bagi subjek Pengajian Islam. Kajian ini akan mengenal pasti potensi penggunaan courseware dalam pengajaran bagi subjek Perbandingan Agama. Objektif yang ingin dicapai ialah kajian ini ingin mengenal pasti kaedah sedia ada yang telah digunakan oleh pendidik dalam sesi pengajaran subjek Perbandingan Agama. Seterusnya mengenal pasti kefahaman para pelajar terhadap konsep ketuhanan dalam agama Islam dan Kristian. Seterusnya mengenal pasti penerimaan para pelajar terhadap penggunaan courseware sebagai alat bantuan pembelajaran bagi subjek Perbandingan Agama. Metode yang digunakan untuk memperoleh data ialah kaedah soal selidik yang menggunakan skali likert lima kemudian diinterpretasi skor dapatan untuk mendapatkan bacaan skor tersebut. Soal selidik ini dijalankan terhadap mahasiswa di beberapa institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di Malaysia yang mengambil kursus Perbandingan Agama. Hasil kajian mendapati kesemua konstruk yang diuji memperolehi kadar bacaan skor yang tinggi. Ini menunjukkan kadar persetujuan yang tinggi daripada kalangan responden terhadap penggunaan courseware bagi subjek Perbandingan Agama dan perlu untuk membangunkan prototaip courseware bagi mata pelajaran ini.

**Kata kunci**

Kajian Keperluan, Courseware, Pembangunan Prototaip, Pendidikan Islam, Perbandingan Agama

**Abstract**

*The usage of Technology in education is the new norm in the academic landscape these days. The existence of modern software and technological advancements should be embraced as a mean to improve and enhance the comprehension of students in their studies especially regarding Islamic education. This research should explore the potential of using a courseware in teaching the subject of Comparative Religion. The objectives that this research aims to achieve are; to identify the existing methods that are used by educators to teach Comparative Religion; to examine the students' understanding of the subject of Comparative Religion; to identify the acceptance of students of using courseware as a teaching aid in learning Comparative Religion. The data is collected using the five scale likert questionnaire then the scores are analysed to obtain a reading. The questionnaires are distributed among Malaysian university students that enrol in the subject of Comparative Religion. The result shows a high level of agreement among the respondents that using Comparative Religion courseware is useful to aid in learning the subject thus supports the idea of developing a prototype of the subject.*

**Keywords**

*Need of Study, Courseware, Prototype Development, Islamic Studies, Comparative Religion*

**1.0 Pengenalan**

Penggunaan teknologi adalah tidak asing lagi dalam pengajaran dan pembelajaran dan menjadi satu pilihan utama dalam arus perdana dunia pendidikan. Lanskap pendidikan yang dahulu tertumpu pada konsep *chalk and talk* yang berpusatkan guru kini berevolusi dan menjadikan para pelajar sebagai pusat pembelajaran (Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj, 2016). Gelombang kemajuan teknologi ini memberi kesan kepada proses pembelajaran di pelbagai peringkat, daripada peringkat pra-sekolah sehingga ke peringkat tertinggi di institusi pengajian tinggi. Kajian demi kajian menunjukkan kesan positif dalam penggunaan teknologi ICT dalam pembelajaran dapat membantu meningkatkan kefahaman para pelajar dan penguasaan mereka dalam suatu bidang.

Realiti pendidikan pada abad ke-21 menyaksikan intergrasi antara pedagogi pendidik dengan penggunaan teknologi moden justeru menghasilkan keperluan untuk membangunkan m-edutainment sebagai bahan sokongan dalam pembelajaran (Melvina Chung Hui Ching et al. 2017). Ini selari dengan perkembangan abad ke-21 dengan mengaplikasikan pembelajaran tanpa batasan tempat dan masa. Penggunaan courseware dalam pembelajaran dilihat dapat memberikan alternatif terbaik kepada pendidik bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran terutamanya di kelas.

Sehubungan dengan itu, subjek agama di institusi pengajian juga tidak harus ketinggalan dalam menggunakan medium yang sedang berkembang pesat ini khususnya bagi ilmu yang berkaitan dengan Aqīdah. Ini kerana kebanyakan sistem pendidikan agama masih menggunakan sistem pembelajaran tradisi yang berpusat kepada guru melalui teknik hafalan dan latih tubi (Kamal Azmi Abd Rahman et al., 2018). Pembelajaran berkaitan subjek agama ini harus memanfaatkan penggunaan ICT untuk menarik minat para pelajar untuk mendalami ilmu Aqīdah. Ilmu perbandingan antara agama merupakan salah satu cabang daripada khazanah keilmuan Islam yang diwarisi daripada para cendekiawan Muslim terdahulu.

Penguasaan terhadap ilmu Perbandingan Agama amat penting khususnya bagi mahasiswa/wi di institusi pengajian tinggi seperti hasil daripada kajian Aemy Elyani et al. (2019) mendapati tahap kefahaman terhadap ilmu Perbandingan Agama dalam kalangan mahasiswa/wi di tiga buah institusi awam di Selangor adalah tinggi.

Oleh itu, pembangunan courseware Perbandingan Agama sebagai bahan sokongan kepada mahasiswa/wi dalam pembelajaran subjek Perbandingan Agama wajar dibangunkan melalui bantuan telefon pintar (*mobile phone*) supaya mahasiswa/wi mendapat akses kepada pembelajaran meskipun di luar waktu pengkuliah.

## 2.0 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti kaedah sedia ada yang digunakan oleh pendidik dalam sesi pengajaran subjek Perbandingan Agama.
- ii. Mengenal pasti kefahaman para pelajar terhadap konsep ketuhanan dalam agama Islam dan Kristian.
- iii. Mengenal pasti penerimaan para pelajar terhadap penggunaan courseware sebagai alat bantuan pembelajaran bagi subjek Perbandingan Agama.

## 3.0 Metodologi Kajian


Analisis keperluan merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan untuk mengumpul maklumat supaya diajdiikan asas dalam membina satu kokurikulum yang dapat memenuhi keperluan suatu kelompok pelajar. Selain itu, analisis keperluan merupakan nilai penghakiman bagi kumpulan tertentu yang mempunyai masalah yang perlu diselesaikan (Melvina Chung Hui Ching et al., 2017). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Satu set borang soal selidik yang dalamnya terdapat 18 item soalan. Kaedah penentuan sampel adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu memilih sampel daripada kalangan mahasiswa/wi institusi pengajian tinggi yang mempunyai latar belakang jurusan pengajian Islam khususnya bidang Uşūluddīn ataupun Aqīdah. Kajian mendapat respon daripada mahasiswa/wi institusi pengajian tinggi yang berjumlah 62 orang kesemuanya. Kajian analisis ini telah melalui fasa pengesahan pakar dimana beberapa orang pakar telah menyemak, mengesahkan dan memberi cadangan untuk menambah baik borang soal selidik sebelum diedarkan kepada responden.

## 4.0 Dapatan Kajian


Kajian analisis keperluan ini dijalankan menggunakan metode soal selidik. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama iaitu (4.1) demografi kajian dan (4.2) keperluan pembangunan courseware Subjek Perbandingan Agama.

### 4.1 Demografi Kajian

Bahagian ini mengandungi tiga soalan yang utama dalam menentukan demografi responden iaitu jantina, institusi, latar belakang pendidikan subjek Perbandingan Agama.



Kajian ini dijalankan terhadap 62 orang responden. Bagi kategori Jantina, carta menunjukkan responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki dengan jumlah 35 (56.45%) orang perempuan dan 27 (43.55%) orang lelaki.



Berdasarkan kepada rajah di atas, responden adalah terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi yang pelbagai iaitu KUIS seramai 29 (46.77%) orang, USIM seramai 28 (45.16%) orang, UM (4.83%) tiga orang, UKM (1.61%) satu orang dan UMS (1.61%) satu orang.



Responden ditanya mengenai latar belakang pendidikan mereka sama ada pernah mengambil kursus/subjek Perbandingan Agama atau tidak pernah. Darpada keseluruhan 62 orang, 59 orang (%) menjawab “YA” dan 3 orang (%) menjawab “TIDAK”.

#### 4.2 Keperluan Pembangunan Courseware Subjek Perbandingan Agama

Bahagian ini mempunyai tiga tema utama untuk menjawab persoalan Keperluan Pembangunan Courseware Subjek Perbandingan Agama iaitu (1) Pengajaran dan Pembelajaran subjek Perbandingan Agama, (2) Konsep Ketuhanan dalam subjek Perbandingan Agama dan (3) P&P subjek Perbandingan Agama menggunakan courseware. Bahagian ini mengguna pakai skala *likert* lima mata. Skor yang digunakan adalah seperti berikut.

Kadar skor	Pilihan jawapan
5	Sangat Setuju
4	Setuju

3	Kurang Setuju
2	Tidak Setuju
1	Sangat Tidak Setuju

Sumber: Kaedah Penyelidikan (Mahizer bin Hamzah et al., n.d.)

Soal selidik ini dirangka menggunakan skala *likert* 1 hingga 5 yang dikelaskan menurut interpretasi empat tahap seperti jadual di bawah.

Interpretasi skor min (skala *likert* 5)

Skor min	Interpretasi
1.0 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Ahmad Munawwar Ismail (2009) dan Azhar Bin Ahmad (2006)

i. Pengajaran dan Pembelajaran subjek Perbandingan Agama

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Kaedah pembelajaran subjek Perbandingan Agama secara kuliah mudah difahami	4.21	0.89	Tinggi
2	Saya minat untuk mempelajari subjek Perbandingan Agama	4.79	0.45	Tinggi
3	Saya sentiasa memberikan tumpuan ketika proses pembelajaran subjek Perbandingan Agama	4.56	0.59	Tinggi
4	Saya sukar mengingat istilah dalam subjek Perbandingan Agama.	2.82	0.95	Sederhana Rendah
5	Saya sukar mendapatkan bahan rujukan yang interaktif dalam bentuk courseware di internet	3.00	0.95	Sederhana Rendah
6	Pensyarah menggunakan alat bantuan mengajar yang sesuai sewaktu kuliah	4.37	0.61	Tinggi

subjek Perbandingan Agama

<u>Skor</u> Min <u>keseluruhan</u>	3.95	Sederhana Tinggi
------------------------------------	------	---------------------

Hasil analisis data yang dikumpul menunjukkan minat yang tinggi responden terhadap subjek Perbandingan Agama seperti skor min tinggi yang tercatat dalam item 2 “*Saya minat untuk mempelajari subjek Perbandingan Agama*” dan item 3 “*Saya sentiasa memberikan tumpuan ketika proses pembelajaran subjek Perbandingan Agama*”. Item 4 “*Saya sukar mengingat istilah dalam subjek Perbandingan Agama.*” dan item 5 “*Saya sukar mendapatkan bahan rujukan yang interaktif dalam bentuk courseware di internet*” pula mencatatkan bacaan skor min rendah. Skor item yang rendah ini adalah disebabkan kedua-dua item ini bersifat negatif kerana mengandungi kata kunci negatif iaitu ‘sukar’ manakala item 1, 2, 3 dan 6 bersifat positif. Item 4 mempunyai skor min 2.82 yang sebelumnya bernilai 3.18 manakala item 5 mempunyai bacaan 3.00 yang sebelumnya mempunyai nilai yang sama iaitu 3.00. Item yang bersifat negatif perlu diubah pengekodan menjadi positif menggunakan perisian PSPP bagi mengelakkan ralat dalam bacaan keseluruhan skor (Rossemi Din, 2010). Skor yang sederhana rendah pada item 4 dan 5 menunjukkan penolakan terhadap kesukaran mengingat fakta dan mencari bahan berkenaan Perbandingan Agama di internet.

ii. Konsep Ketuhanan dalam subjek Perbandingan Agama

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya memahami konsep ketuhanan dalam Islam dan asas agama Islam	4.65	0.55	Tinggi
2	Saya memahami konsep ketuhanan dalam Kristian dan asas agama Kristian	4.34	0.60	Tinggi
3	Saya mengetahui sumber kepercayaan penganut agama Islam dan Kristian	4.48	0.59	Tinggi
4	Saya mengetahui perbezaan dalam konsep ketuhanan antara Islam dengan Kristian	4.55	0.59	Tinggi
5	Saya mengetahui kedudukan Isa Al-Masih dalam Islam dan Kristian adalah tidak sama	4.61	0.71	Tinggi
6	Saya memahami <i>Ilah</i> (Tuhan yang disembah) dalam agama Islam dan	3.06	1.50	Sederhana

Kristian adalah sama		Tinggi
<b>Skor Min keseluruhan</b>	4.28	Tinggi

Bahagian kedua ini memfokuskan kepada isi kandungan subjek Perbandingan Agama itu sendiri iaitu konsep ketuhanan dalam agama Islam dan Kristian. Bacaan skor min tertinggi dicatatkan pada item no 1 “*Saya memahami konsep ketuhanan dalam Islam dan asas agama Islam*” diikuti item no 5 “*Saya mengetahui kedudukan Isa Al-Masih dalam Islam dan Kristian adalah tidak sama*” dengan skor masing-masing 4.65 dan 4.61. Ini menunjukkan kefahaman yang baik dalam kalangan mahasiswa/wi terhadap asas konsep ketuhanan dalam agama Islam dan Kristian. Item ke 6 “*Saya memahami Allah (Tuhan yang disembah) dalam agama Islam dan Kristian adalah sama*” mencatatkan bacaan skor min terendah iaitu 3.06. Item ini berbentuk negatif dan nilai sebelum ditukar kepada positif adalah 2.94. Ini menunjukkan penolakan terhadap persamaan kedudukan tuhan dalam agama Islam dan Kristian. Ini sekali lagi membuktikan kefahaman yang tinggi dalam kalangan mahasiswa/wi terhadap konsep ketuhanan dalam agama Islam dan Kristian.

iii. P&P subjek Perbandingan Agama menggunakan courseware

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Penggunaan perisian ICT akan membantu kefahaman saya dalam subjek Perbandingan Agama	4.29	0.78	Tinggi
2	Courseware aplikasi mudah alih subjek Perbandingan Agama akan membantu pembelajaran saya	4.34	0.70	Tinggi
3	Elemen multimedia membuatkan pembelajaran subjek Perbandingan Agama menjadi lebih menarik	4.50	0.62	Tinggi
4	Pembelajaran melalui aplikasi mudah alih lebih mudah berbanding pembelajaran konvensional	3.73	1.09	Sederhana Tinggi
5	Pembelajaran dengan perisian ( <i>courseware</i> ) adalah lebih menarik dan dapat merangsang minat saya untuk belajar.	4.02	0.95	Tinggi

6	Pembelajaran menerusi perisian <i>courseware</i> memudahkan mengingat fakta berkaitan subjek Perbandingan Agama	4.02	0.86	Tinggi
<b>Skor Min keseluruhan</b>		4.15		Tinggi

Pada bahagian ketiga iaitu P&P subjek Perbandingan Agama menggunakan *courseware* menunjukkan respon positif daripada mahasiswa/wi berkenaan penggunaan *courseware* dalam subjek Perbandingan Agama akan membantu kefahaman mahasiswa/wi dalam pembelajaran subjek ini. Item no 3 "*Elemen multimedia membuatkan pembelajaran subjek Perbandingan Agama menjadi lebih menarik*" mencatatkan bacaan skor min yang tertinggi iaitu 4.50 manakala item no 4 "*Pembelajaran melalui aplikasi mudah alih lebih mudah berbanding pembelajaran konvensional*" mempunyai bacaan skor min terendah iaitu 3.73.

### 5.0 Perbincangan


Konstruk	Skor Min	Interpretasi
1. Pengajaran dan Pembelajaran subjek Perbandingan Agama	3.95	Sederhana Tinggi
2. Konsep Ketuhanan dalam subjek Perbandingan Agama	4.28	Tinggi
3. P&P subjek Perbandingan Agama menggunakan <i>courseware</i>	4.15	Tinggi
<b>Min Keseluruhan Konstruk</b>	4.13	Tinggi

Berdasarkan konstruk 1 Pengajaran dan Pembelajaran subjek Perbandingan Agama, Skor min mencatatkan bacaan interpretasi yang sederhana tinggi. Responden kaji selidik ini menunjukkan kefahaman dan penguasaan yang baik terhadap pembelajaran subjek Perbandingan Agama di dalam kuliah. Kebanyakan responden menyatakan kepuasan yang baik terhadap metode yang digunakan oleh pensyarah dalam kuliah subjek Perbandingan Agama dan mendapati mudah untuk memahami penyampaian pensyarah di dalam kelas. Responden juga menyatakan pensyarah ada menggunakan bahan bantuan mengajar sewaktu sesi pengkuliahahan bagi membantu menambah kefahaman dan minat terhadap subjek tersebut seperti yang dinyatakan dalam item 1, 2, 3 dan 6. Manakala kebanyakan responden menafikan kesukaran untuk mengingat istilah Perbandingan Agama dalam item yang ke-4. Selain itu dalam item yang ke-5 mereka juga berpendapat mudah untuk mendapatkan bahan bagi subjek Perbandingan Agama yang bersifat interaktif di internet.

Konstruk 2, Konsep Ketuhanan dalam subjek Perbandingan Agama memfokuskan kepada isi kandungan subjek Perbandingan Agama dan menilai kefahaman responden terhadap matapelajaran tersebut. Kebanyakan responden memberikan persetujuan yang tinggi pada kefahaman terhadap asas agama Islam dan Kristian dan sumber rujukan bagi agama tersebut seperti yang ditunjukkan dalam item 1 hingga 4. Manakala item ke-5 dan ke-6 pula menilai kefahaman terhadap kedudukan tuhan dalam agama Kristian. Item ke-5 menunjukkan persetujuan tinggi bahawa kedudukan Nabi Isa dalam agama Islam dan Kristian adalah tidak sama. Dalam Islam, Nabi Isa adalah seorang utusan tuhan yang diutuskan kepada manusia untuk menyampaikan risalah agama manakala dalam agama Kristian beranggapan Isa adalah anak tuhan yang diutus kepada manusia. Item ke-6 pula mencatatkan persetujuan yang rendah iaitu dengan skor 2.94 kemudian di tukar kepada nilai 3.06 kerana item tersebut bersifat negatif. Ini kerana kebanyakan responden berpendapat bahawa tuhan yang disembah dalam agama Islam dan Kristian adalah berbeza. Islam mengetengahkan konsep mentauhidkan Allah yang mana Dia-lah tuhan yang satu dan tiada yang lain selainnya. Tuhan bersifat tunggal dan esa dan Dia tidak beranak atau diperanakkan dan juga tiada yang sama dengannya sama ada dalam bentuk penjelmaan dan sebagainya. Islam melihat Nabi Isa sebagai hamba tuhan yang menjalankan tugas sebagai utusan tuhan yang menyampaikan agama kepada manusia. Agama Kristian pula berpandangan bahawa Isa adalah anak tuhan yang diutus oleh tuhan bagi membebaskan manusia daripada dosa warisan moyang manusia iaitu Nabi Adam a.s yang telah melakukan dosa memakan buah larangan di syurga. Kehadiran dan kematian Isa di atas salib (menurut Kristian) merupakan satu rahmat tuhan ke atas manusia.

Konstruk 3 pula adalah mengenai P&P subjek Perbandingan Agama menggunakan courseware. Responden memberikan maklum balas yang positif terhadap penggunaan ICT bagi subjek Perbandingan Agama akan membantu meningkatkan kualiti pembelajaran serta menambah minat mereka terhadap matapelajaran tersebut seperti yang dicatatkan dalam bacaan interpretasi yang tinggi bagi item 1, 2, 3, 5 dan 6. Bagi item 4 pula mencatatkan persetujuan yang sederhana tinggi dalam menilai perbandingan pembelajaran konvensional dan pembelajaran menggunakan courseware. Ini kerana mungkin sebahagian responden berpendapat bahawa mereka akan lebih mudah memahami subjek Perbandingan Agama dengan cara kuliah berbanding penggunaan courseware.

Jumlah Min Keseluruhan Responden



N	62
Min	4.13
S.P.	.37

Bacaan keseluruhan menunjukkan persetujuan tinggi iaitu 4.13 menurut skala interpretasi oleh Azhar Ahmad (2006) dan Ahmad Munawwar (2009) dengan bacaan skor min melebihi 4.01.

Berdasarkan kepada kesemua konstruk dan dapatan daripada responden ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa majoriti responden bersetuju akan pembangunan courseware seubjek Perbandingan Agama bagi memudahkan mahasiswa/wi dalam memperkasakan pemahaman dalam subjek Perbandingan Agama dan membantu guru membuatkan pembelajaran di dalam kelas menjadi lebih menarik.

## 6.0 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan daripada analisis keperluan ini menunjukkan bahawa satu bahan sokongan pembelajaran subjek Perbandingan Agama wajar dicadangkan dan dibangunkan untuk kegunaan mahasiswa/wi institusi pengajian tinggi. Mahasiswa/wi akan berpeluang untuk menjalankan pembelajaran tanpa mengira waktu dan tempat selagi mereka berbekalkan kemudahan teknologi iaitu peranti pintar seperti telefon pintar.

Kemajuan penggunaan teknologi dalam pembelajaran agama khususnya bagi subjek Perbandingan Agama patut diraikan bagi meletakkan kedudukan pembelajaran ilmu agama sama tinggi dengan pendidikan lainnya. Penggunaan teknologi bukan sahaja dapat digunakan sebagai bahan bantuan pembelajaran di dalam kelas, ia juga berpotensi meningkatkan minat mahasiswa/wi terhadap matapelajaran tersebut dengan pendekatan yang bersifat interaktif yang boleh diakses tanpa batasan masa dan tempat.

## Rujukan

Aemy Elyani binti Mat Zain, Nazneen Ismail, Norsaadah Din@ Mohamad Nasirudin, &

Maryam Habibah Kamis. (2019). Tahap Pengetahuan Mahasiswa Universiti Awam (UA) Negeri Selangor Terhadap Ilmu Perbandingan Agama. *Al-Banjari*, 18(2), 296–312.

Ahmad Munawwar Ismail. (2009). *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Azhar Bin Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Kamal Azmi Abd Rahman, Norsaleha Mohd Salleh, Ahmad Nazeer Zainal Ariffin, Hailrudin Jaafar, Hilmee Izanee, & Muhamad Najib Fidauddin. (2018). Kajian Awal Pembangunan Prototaip Courseware Subjek Tauhid Darjah Satu di Sekolah Agama Rendah JAIS. *Malaysian Journal of Information and Communication Technology*, 3(1), 13–31.

Mahizer bin Hamzah, Abdul Talib bin Mohamed Hashim, Noraini binti Mohamed Noh, & Norazilawati binti Abdullah. (n.d.). *KRL 3033 Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan Sekolah Rendah (UPSI)*.

Melvina Chung Hui Ching, Norazah Mohd Nordin, Jamaludin Badusah, & Nawal Mustafa. (2017). Analisis Keperluan Terhadap Pembangunan M-Edutainment dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa M.pdf. *Prosiding Seminar Pendidikan Transdisiplin Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.

Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj. (2016). JuKu. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 4(4), 12–24.

Rossen Din. (2010). Analisis Data Kuantitatif dalam Kajian Pembinaan. In *Manuskrip Analisis Data Kuantitatif dalam Kajian Pembinaan*. (Vol. 22, Issue 10). <https://doi.org/10.1021/jo01361a011>